



**MASIDI** (tengah) menyerahkan anugerah 'Jasamu Dikenang' kepada salah seorang penerima di majlis itu.

## Sabah negeri termiskin tidak relevan

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan\_yap@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Adalah tidak relevan mengatakan Sabah negeri yang termiskin di Malaysia sedangkan masih mampumenggajirramaipekerja asing untuk pembangunan negeri.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun berkata kewujuan lebih 300 ribu pekerja asing di Sabah yang mana 200 ribu bekerja di industri perladangan sementara bakinya di industri lain menunjukkan Sabah tidaklah semiskin yang dilabelkan pihak-pihak tertentu.

"Saya ingin mengatakan kepada graduan bumiputera kita bahawa kami jarang menerima aduan daripada graduan Cinayang mengatakan

Sabah tidak mempunyai peluang pekerjaan.

"Atau, mungkin graduan bumiputera kita mempunyai sikap yang suka mengadu," katanya ketika merasmikan makan malam bersama graduan Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah dan Pusat Pembangunan Profesional UMS Link (UCPD) pada malam Ahad lalu.

Masidi berkata, setiap graduan perlu membuang sikap itu dan mula mencari pendapatan sendiri dengan membuatkan diri mereka laris di pasaran kerja dan mencontohi masyarakat Cina.

Katanya, antara masalah yang menyumbangkan pengangguran dalam kalangan graduan ialah mempunyai pemikiran seperti memandang rendah terhadap pekerjaan yang banyak dalam sektor

perladangan sebagai seorang graduan.

"Graduan harus mengetahui bahawa sektor itu juga menawarkan pendapatan yang lumayan yang mana pekerja asing mampu memperolehi lebih kurang RM1,500 sebulan.

"Graduan harus mempunyai nilai yang tinggi dalam kelayakan mereka kerana sudah berusaha bertahun-tahun untuk memperolehnya. Tamat pengajian hanyalah sebagai permulaan kepada segalanya kerana pelbagai cabaran akan muncul," jelasnya.

Tambahnya, hanya sektor pelancongan sahaja yang dikawal hampir sepenuhnya oleh orang tempatan manakala sektor lain pula dimonopoli oleh pekerja asing seperti perladangan dan perkilangan.